

Kadar inflasi negara kekal rendah

BH 25.10.2007 MS 20

KADAR inflasi di Malaysia kekal rendah apabila Indeks Harga Pengguna (IHP) hanya meningkat 1.8 peratus bulan lalu berbanding bulan sama tahun lalu.

Ia adalah penurunan berbanding 1.9 peratus pada bulan sebelumnya.

Berikutan perangkaan pada September itu, kadar inflasi bagi tempoh sembilan bulan tahun ini berada pada paras dua peratus.

Jabatan Perangkaan Malaysia dalam kenyataannya di Kuala Lumpur semalam berkata, IHP bulan lalu meningkat kepada 106 mata daripada 104.1 mata bulan sama tahun lalu.

Berbanding bulan sebelumnya pula, IHP pada bulan berkenaan hanya meningkat 0.1 peratus.

Jabatan itu berkata, peningkatan IHP bulan lalu berbanding pada Ogos adalah disebabkan kenaikan dalam lapan kumpulan utama.

Indeks pakaian dan kasut meningkat naik 0.8 peratus, restoran dan hotel (0.4 peratus), pelbagai barangan dan perkhidmatan (0.4 peratus), makanan & minuman bukan alkohol (0.3 peratus); kesihatan (0.3 peratus); pengangkutan (0.1 peratus), komunikasi (0.1 peratus) dan hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah (0.1 peratus).


Indeks minuman alkohol dan tembakau, perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain, perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan serta pendidikan bagaimanapun kekal pada paras masing-masing.

Sementara itu, jabatan berkenaan menjelaskan peningkatan dua peratus dalam IHP bagi tempoh sembilan bulan lalu sebahagian besar disebabkan kenaikan indeks bagi semua kumpulan utama kecuali indeks Pakaian dan kasut serta komunikasi yang masing-masing susut 1.5 peratus dan 1.3 peratus.

Katanya, kumpulan berjawaran tinggi yang menyaksikan kenaikan ketara ialah indeks makanan dan minuman bukan alkohol yang menokok 2.8 peratus, pengangkutan (2.7 peratus) dan perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (1.3 peratus).

Indeks minuman alkohol dan tembakau pula meningkat 7.3 peratus, restoran dan hotel (3.2 peratus), pendidikan (1.9 peratus), kesihatan (1.6 peratus), hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah (1.1 peratus), perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan (1.1 peratus) dan pelbagai barangan serta perkhidmatan (0.6 peratus).

FAKTA



**Kadar Inflasi
bagi Januari - Sept 2007**